

09/09/2001

Memburu emas

Lukman Salleh

HARI ini bermulanya perjuangan buat 557 atlit negara dalam Sukan Sea edisi ke-21 untuk memenangi lebih 80 emas yang disasarkan Majlis Sukan Negara (MSN) daripada sejumlah 391 emas yang dipertandingkan.

Tetapi sasaran lebih 80 emas ini seharusnya tidak menyekat atlit negara daripada cuba meraih angka lebih tinggi - dengan sasaran itu hanya sebagai satu matlamat untuk dicapai.

Seharusnya selepas lebih setahun menyiapkan diri menghadapi temasya ini, tidak perlu wujud rasa gemuruh serta takut dalam diri setiap atlit negara menghadapi saingan di Kuala Lumpur.

Mereka juga perlu menguatkan tekad mengukuhkan iltizam dan menjadi amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menuju kecemerlangan dan mengharumkan nama negara sebagai azimat penggerak kemasyhuran.

Segala masalah peribadi serta remeh-temeh harus dibuang jauh-jauh, dengan minda hanya tertumpu kepada satu - meraih emas dan memastikan nama dijulung sebagai wira negara.

Malah beraksi di tempat sendiri juga bukanlah alasan beraksi buruk. Dengan lebih RM40 juta wang rakyat digunakan melatih mereka, atlit dituntut memastikan setiap sen diperuntukkan tidak membazir begitu saja.

Masa mengeluarkan kata-kata retorik sudah berakhir, hanya persembahan menjadi perkiraan dan pejuangan atlit bermula sebaik melangkah ke gelanggang dan hanya diri menjadi penentu antara kejayaan dan kegagalan.

Sasaran lebih 80 emas - MSN masih enggan menyatakan angka sebenar - dibuat selepas penilaian mengenai prestasi atlit kebangsaan berbanding pencabar rantau ini.

Dua sukan paling banyak menawarkan emas - olahraga (46 emas) dan akuatik (43) - menjadi sandaran utama negara dengan atlit olahraga diharap menyumbangkan 16 emas dengan akuatik pula sekurang-kurangnya 14 emas.

Harapan utama olahraga ialah pada beberapa 'atlit veterannya' iaitu Loo Kum Zee dalam acara lompat tinggi, mencari emas keempatnya berturut-turut, M Ramachandran (10,000 dan 5,000m) bagi kejayaan kesembilan dan kesepuluh dalam kerjanya dalam Sukan Sea.

Harapan juga diletakkan kepada A Munusamy (1,500m), Teoh Boon Lim dan B Thirukmaran dalam acara 20km jalan kaki, pelari muda 400m Muhamad Zaiful Zainal Abidin, dan ratu jalan kaki Yuan Yu Fang.

Renang pula, kontinjen negara berharap Lim Keng Liat dan Elvin Chia akan menyinar dalam disiplin masing-masing - kuak lentang dan kuak dada - serta perenang wanita Sia Wai Yen.

Tetapi bakal menjadi tuaian emas negara ialah terjun dan renang berirama dengan Malaysia berharap menyapu bersih semua emas dipertandingkan acara ini.

Dalam terjun lelaki, Yeoh Ken Nee akan mempertahankan dua emas yang dimenangi di Brunei dalam acara 3m papan anjal dan 10m platform dan berpasangan dengan Mohd Azheem Bagari untuk memastikan emas terjun berirama.

Rosatimah Muhamad dan Leong Mun Nyee tampak mengungguli acara terjun wanita dengan Suzana Ghazali Bujang dan Sara Kamil tampak sempurna melakukan gerakan dalam air bagi renang berirama.

Kekuatan skuad skuasy lelaki dan wanita negara tiada tandingan dan bakal menyapu bersih semua empat emas dipertandingkan dengan ratunya Nicol Ann David kebal dalam acara wanita dan Kenneth Low pula berkuasa acara lelaki.

Hoki lelaki sememangnya taraf Malaysia jauh daripada negara rantau ini. Begitu juga dalam lawn bowl yang tampak bakal mengulangi kecemerlangan di Brunei dua tahun lalu.

Dalam acara lumba basikal, Josiah Ng bakal menggegar. Pelumba yang mula mencipta nama di peringkat antarabangsa ini tampak akan mengungguli acara trek dengan Shahrulnneeza Razali masih ditagih kayuhan bertenaganya.

Dalam gimnastik artistik, peserta veteran Au Li Yen tampak mampu menumbangkan lawannya manakala Celestie Chan dan rakan-rakannya kelihatan begitu gagah dibandingkan pencabarnya.

Malaysia turut mengharapakan atlit sukan tempurnya - taekwondo, karate-do, silat dan wushu bakal memberikan pungutan emas seperti dilakukan di Brunei.

Ratu bowling Shalin Zulkifli pula masih bertenaga dan diharapkan mampu mengulangi kecemerlangan di Brunei apabila menyumbangkan keseluruhan enam emas.

Ramai lagi yang mempunyai peluang meraih emas dan mengharumkan nama negara dan dijulang sebagai wira.

Jika semua atlit ini beraksi mengikut keupayaan sebenar, tidak mengaku kalah ataupun takut sebaik melangkah gelanggang, pastinya sasaran ini boleh dicapai malah tiada siapa yang mampu menghalang mereka daripada mencapai kejayaan.

Mereka perlu Yakin Boleh dan memberikan yang terbaik bersesuaian dengan slogan Hari Kebangsaan ke-44 Keranamu Malaysia.

(END)